



Headline: Sebar luas kempen elak jadi mangsa Macau Scam Language: Malay
Scam

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 24 February 2019

Section: Nasional
Page: 14

JENAYAH



Lam Thye (tengah) menampal pelekat merasmikan Kempen Pencegahan Macau Scam di Bakri, semalam.

Sebar luas kempen elak jadi mangsa Macau Scam

Muar: Kempen kesedaran mengenai pencegahan menjadi mangsa penipuan Macau scam perlu disebar luas di segenap peringkat masyarakat bagi memastikan orang ramai tidak mudah tertipu.

Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata berdasarkan statistik 2018 yang dikeluarkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kerugian akibat penipuan jenayah

itu meningkat 55.5 peratus seluruh negara berbanding 2017.

Beliau berkata, peningkatan itu membabitkan kerugian melebihi RM224.6 juta dengan 4,965 kes direkodkan berbanding tahun sebelumnya iaitu RM99.9 juta dengan 4,178 kes akibat penipuan Macau scam.

“Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 927 kes dengan jumlah kerugian RM50.4 juta diikuti Johor, 667 kes (RM26.1 juta) dan Kuala Lumpur, 553 kes (RM43.3 juta).

“Masalah ini semakin rumit dan serius saban hari dan ia boleh dianggap jenayah paling ‘populer’ masa sekarang dan jenayah tanpa sempadan yang boleh berlaku di mana-mana sahaja, tidak terkecuali di Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Pencegahan Macau Scam, di Bakri, di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Polis Daerah Muar, Supt Idris Rejab dan Pengerusi MCPF Daerah Muar, Chua Teck Boon.